



23 November 2021
23 November 2021
P.U. (A) 425

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 11) 2021

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 11) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 11) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

(3) Subsubperenggan 3(1)(a) dan (c) disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2025.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Insentif Global bagi Perdagangan” ertinya suatu program insentif bagi Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan untuk menggunakan Malaysia sebagai pangkalan perdagangan antarabangsa bagi menjalankan aktiviti yang layak;

“Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan” ertinya suatu syarikat Labuan yang—

(a) diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*];

(b) dilesenkan di bawah seksyen 92 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*];

- (c) mengekalkan suatu pejabat berdaftar di Labuan tetapi dibenarkan menubuhkan pejabat operasinya di mana-mana dalam Malaysia; dan
- (d) menjalankan suatu aktiviti yang layak di bawah program Insentif Global bagi Perdagangan;

“aktiviti yang layak” ertinya perdagangan produk fizikal dan instrumen terbitan yang berkaitan berhubung dengan—

- (a) petroleum dan produk berkaitan petroleum termasuk gas asli cecair;
- (b) galian;
- (c) produk pertanian;
- (d) bahan mentah yang ditapis;
- (e) bahan kimia; dan
- (f) galian asas.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan mana-mana pemastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada peruntukan perenggan 39(1)(r) Akta berkenaan dengan amaun pembayaran yang dibuat oleh pemastautin itu—

- (a) kepada suatu syarikat Labuan yang menjalankan suatu aktiviti yang layak di bawah program Insentif Global bagi Perdagangan;
- (b) kepada suatu syarikat Labuan yang telah membuat suatu pilihan di bawah seksyen 3A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*]; dan